

# Jangan asingkan - Mahathir diri

**KOTA BAHARU 2 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta ahli - ahli UMNO di setiap peringkat supaya jangan mengasingkan diri tetapi mencari titik - titik persetujuan ke arah mengembalikan perpaduan parti yang menjadi asas kekuatan orang Melayu selama ini.**

Kecuali Tengku Razaleigh yang menjadi Ketua UMNO bahagian Gua Musang, semua ketua bahagian lain hadir di Lapangan Terbang Sultan Ismail bila Dr. Mahathir tiba.

Calon Presiden yang tewas itu bagaimanapun tiba dengan penerbangan MAS dari Kuala Lumpur kira - kira 30 minit selepas Dr. Mahathir bertolak ke Jeli untuk meneruskan lawatannya.

"Kalau kita mengasingkan diri kerana kita tidak dapat mencapai matlamat kita, maka hakikatnya bukan kemenangan tetapi perpecahan yang akan diperolehi," tegas beliau kepada ribuan rakyat Kelantan yang membanjiri pekarangan lapangan terbang untuk mendengar ucapannya.

Dr. Mahathir menegaskan, ahli - ahli UMNO hendaklah mencari titik - titik pertemuan dan bukannya mencari

Oleh Khalid Mohd.

perkara - perkara yang mereka tidak boleh setuju kerana perpaduan adalah senjata orang Melayu sejak sebelum merdeka.

Beliau mengingatkan perpecahan tersebut akan membawa kepada kelemahan dan kelemahan ini pula akan melucutkan kuasa dari tangan orang Melayu.

Dr. Mahathir berkata, pemimpin boleh bertukar dan tidak akan ada pemimpin yang kekal selama - lamanya kerana setidak - tidaknya, dia akan mati juga.

"Yang penting ialah kita semua yang menjadi ahli UMNO mestilah menentukan bahawa walau apa sekalipun terjadi kepada kita, perpaduan di kalangan kita hendaklah dikekalkan kerana ia adalah asas kekuatan kita," ujarnya.

Beliau mengingatkan jika ahli - ahli UMNO mengeneipkan asas perpaduan tersebut kerana sesuatu kepentingan, akhirnya orang Melayulah yang akan kehilangan kuasa.

Dr. Mahathir yang menekankan soal perpaduan sebagai asas kekuatan UMNO sepanjang ucapannya berkata UMNO selama ini menyelesaikan segala masalah yang dihadapi secara demokratik di mana keputusan - keputusan yang dibuat secara demokratik diterima oleh semua.

**LIHAT MUKA 6**

# JANGAN ASINGKAN DIRI

UM 3 OCT 1987

Sebab itulah, tegasnya ahli - ahli UMNO tidak boleh mengasingkan diri semata - mata kerana mereka tidak dapat mencapai matlamat yang mereka hasratkan.

Dr. Mahathir meminta ahli - ahli UMNO yang menghadapi sebarang masalah supaya menggunakan jalan perundingan untuk menyelesaikan rasa tidak puashati mereka.

"Soal sokong tak sokong tidak timbul, soalnya kita semua orang UMNO dan yang penting ialah UMNO, kerana kita sayang kepada UMNO, walau apa sekalipun pendapat yang terdapat di kalangan kita, kita harus menyelesaikannya dengan cara yang baik.

"Kata orang, bila kita menarik benang daripada tepung, kita dapat lepaskan benang itu tanpa tepung itu berkecai."

Dr. Mahathir menegaskan bahawa sikap mencari penyelesaian secara baik ini amat penting jika perpaduan orang Melayu hendak dikekalkan.

"Walaupun terdapat orang - orang yang mempunyai perasaan itu dan ini, tidak mengapa. Kita boleh mempunyai pendapat yang berbeza. Mustahil di antara 1.4 juta ahli UMNO kita dapat satu pendapat sahaja. Kalau semuanya berfikir satu

hala sahaja, tentulah ini satu perkara yang ganjil."

Namun begitu, katanya, ahli - ahli UMNO hendaklah mencari apa yang boleh mereka bersetuju dan bukannya mencari perkara - perkara yang mereka tidak boleh setuju.

"Kita carilah benda yang kita boleh setuju dan kita asaskan segala rundingan kita kepada apa yang boleh dipersetujui.

"Dengan cara ini kita akan dapat mengeneipkan perbezaan sesama kita dan menyatupadukan rakyat," ujar beliau.

Perdana Menteri juga mengingatkan orang - orang Melayu terhadap bahaya bangsa Melayu menjadi kumpulan minoriti dalam tanahair sendiri jika mereka berpecah-belah.

Beliau meminta mereka menjadikan satu pengajaran kejadian - kejadian di beberapa negara asing di mana penduduk asal yang pada mulanya berkuasa ditumbangkan dan akhirnya menjadi golongan minoriti.

"Kalau kita berpecah - pecah sesama kita, kita juga akan jadi seperti itu. Kita akan jadi sebuah negara yang tidak dapat membangun kerana selalu menghadapi bermacam masalah yang akan memecah dan melemahkan kerajaan."

Dr. Mahathir

mengingatkan, jika orang - orang Melayu lupa kepada perpaduan yang menjadi asas kekuatan mereka, keburukan akan menimpa mereka.